



Disediakan oleh:

**Jawatankuasa *i*-Kajian Tindakan
Negeri Kedah Darul Aman**

Penyelenggara Modul:

**UNIT LATIHAN DAN KEMAJUAN STAF
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
edisi 2014**

1.0 PENGENALAN KAJIAN TINDAKAN

1.1 Mengapa KT

Lihatlah di sekeliling anda. Adakah apa-apa barang yang membantu anda melalui kehidupan ini dengan lebih selesa masih kekal dalam bentuk yang sama seperti mana ketika dicipta dahulu. Bayangkan kereta, talipon, komputer dan alat-alat elektrik yang lain. Semuanya telah berubah dengan pesat disebabkan 2 perkataan **R&D** iaitu *Research and Development*, atau dalam Bahasa Melayunya, Penyelidikan dan Pembangunan.

Malangnya di dalam bidang Pendidikan, di manakah R&D nya? Kajian-kajian yang dijalankan seperti Kajian Berat Beg Pelajar, Kajian Beban Tugas Guru dan berbagai-bagai lagi kajian adalah kajian saintifik yang hanya memberatkan **R** sahaja, tanpa menghasilkan apa-apa **D**. Maka tidak hairanlah P&P pada hari ini masih lagi berbentuk *Chalk and Talk*.

Pendokong Kajian Saintifik cukup bermegah dengan reka bentuk kajian yang dirancang dengan begitu teliti, dan dituruti sepenuhnya dari awal hingga akhir. Teknik persampelan dan kaedah statistik inferensi yang digunakan pula begitu canggih, sehingga membolehkan keputusan kajian yang dijalankan ke atas satu sampel kecil digeneralisasikan ke atas keseluruhan populasi kajian. Lapornya pula begitu lengkap sehinggakan penyelidikan tersebut boleh diulangi oleh mana-mana penyelidik yang lain. Kejayaan menghasilkan 'ilmu baru' merupakan mercu tanda Kajian Saintifik.

Pengkritik Kajian Saintifik pula berpendapat "*research that produces nothing but books will not suffice*". Kajian Saintifik yang dijalankan oleh penyelidik dari luar ke atas suatu suasana P&P bilik darjah yang terkawal, tidak akan menghasilkan perubahan tingkahlaku pada subjek kajian, iaitu guru dan pelajar. Ini disebabkan dapatan dan saranan penyelidik tersebut akan ditolak oleh pihak guru (yang langsung tidak terlibat dalam proses penyelidikan tersebut) dengan alasan "*it's not applicable to my situation*". Tambahan pula masa yang begitu lama diperlukan untuk menyiapkan penyelidikan, menyebabkan dapatan kajian mungkin menjadi tidak relevan lagi.

Dengan itu, Kajian Tindakan diperkenalkan sebagai satu pendekatan penyelidikan alternatif yang lebih mirip R&D. Kajian Tindakan ialah kajian yang dijalankan oleh guru sendiri dan dilakukan ke atas situasi sebenar P&P di bilik darjah. Guru yang

menjalankan Kajian Tindakan akan lebih bersedia untuk mengubah amalan/kaedah P&P berdasarkan dapatan kajiannya, berbanding dengan guru yang hanya membaca laporan kajian saintifik yang dijalankan ke atasnya. Tambahan pula "*action research is enacted within a particular zone of time in which action can still make a difference*".

1.2 Sejarah KT

Konsep Kajian Tindakan telah dipelopori oleh Kurt Lewin, seorang ahli psikologi sosial Amerika Syarikat pada tahun 1946. Lewin mula menggunakan pendekatan Kajian Tindakan untuk mengkaji dan menyelesaikan pelbagai masalah sosial, khususnya di kalangan komuniti minoriti pada era pasca Perang Dunia Kedua. Lewin mengkonsepkan Kajian Tindakan sebagai satu kitaran langkah-langkah yang terdiri daripada aktiviti merancang, bertindak, menilai dan mereflek. Dua prinsip asas Kajian Tindakan ialah keputusan kumpulan dan komitmen kepada penambahbaikan.

Pada tahun 1953, Stephen Corey dari Kolej Perguruan Universiti Columbia, Amerika Syarikat; telah mengaplikasi idea Lewin ke dalam bidang pendidikan. Corey yang hilang keyakinan dengan keberkesanan penyelidikan tradisional (kajian saintifik) dalam bidang pendidikan; mula memperkenalkan metodologi Kajian Tindakan ke dalam projek penyelidikan yang diselenggarakan oleh guru-guru pelatihnya. Di United Kingdom, Elliott dan Adelman telah menjayakan *Ford Teaching Project* pada tahun 1973; yang melibatkan 40 orang guru di East Anglia menggunakan metodologi Kajian Tindakan untuk menyelidik keberkesanan kaedah pengajaran inkuiri penemuan dalam bilik darjah.

Pada tahun 1993, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan PIER (*Programme for Innovation, Excellence and Research*) dan salah satu sub-program PIER adalah bertujuan untuk memupuk budaya penyelidikan di kalangan pengurus pendidikan dan pendidik dengan menggunakan pendekatan Kajian Tindakan. Selepas PIER tamat pada tahun 1997, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) telah mengambil alih program Kajian Tindakan dan terus mengembangkannya hingga ke hari ini.

2.0 KONSEP ASAS KAJIAN TINDAKAN

2.1 Definisi KT

- Elliott dan Adelman (1973) yang memulakan *Ford Teaching Project* melihat Kajian Tindakan sebagai satu pendekatan penyelidikan terhadap situasi sosial di sekolah yang bertujuan memperbaiki kualiti amalan guru
- Carr dan Kemmis (1986) berpandangan bahawa Kajian Tindakan adalah satu aktiviti inkuiri berbentuk refleksi sendiri yang dilaksanakan oleh guru, untuk memahami dan memperbaiki amalannya
- McNiff (1988) merumuskan Kajian Tindakan sebagai suatu pendekatan untuk meningkatkan mutu pendidikan melalui perubahan; iaitu menggalakkan guru-guru menjadi lebih sedar dan lebih kritis terhadap amalan mereka sendiri, sehingga bersedia untuk mengubahnya
- Lomax (1994) menegaskan bahawa Kajian Tindakan adalah penyelidikan pendidikan (*educational research*); bukannya penyelidikan dalam pendidikan (*research in education*), kerana yang menyelidik itu adalah guru sendiri yang ingin memperkembangkan dirinya serta profesinya. Lomax juga menegaskan bahawa Kajian Tindakan adalah sumber inovasi pendidikan yang penting kerana ia mengupayakan guru melakukan inovasi dan perubahan dalam pendidikan.
- Jamil (2002) mengkonsepsikan Kajian Tindakan sebagai satu kajian yang berbentuk inkuiri

refleksi sendiri yang dilakukan oleh peserta (pengamal/ guru/pendidik) dalam situasi sosial itu sendiri; melaksanakan tindakan praktik (intervensi) mereka sendiri yang bertujuan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti amalan masing-masing, di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan itu serta situasi di mana amalan itu dilakukan.

2.2 Kelebihan KT

Menurut Beasley (1981), kelebihan Kajian Tindakan yang dijalankan oleh guru sendiri adalah:

- ✓ kajian berdasarkan pengetahuan sedia ada guru yang terkumpul melalui pengalaman sebenar
- ✓ memberi tumpuan kepada isu/masalah semasa
- ✓ lebih serasi dan kurang gangguan terhadap keadaan dan persekitaran bilik darjah
- ✓ mengukuhkan proses penyelidikan semula jadi yang sememangnya diamalkan oleh guru
- ✓ merapatkan jurang antara teori dengan praktis


2.3 Perbandingan KT dengan Kajian Saintifik

Berbeza dengan Kajian Saintifik yang dijalankan oleh pakar dari luar terhadap suatu suasana P&P yang terkawal, Kajian Tindakan ialah penyelidikan yang dijalankan oleh guru sendiri terhadap suasana P&P yang sebenar di dalam bilik darjah. Perbandingan lanjut Kajian Saintifik (juga dikenali sebagai kajian kuantitatif) dengan Kajian Tindakan (kajian kualitatif) boleh dicerakini daripada jadual perbandingan berikut:

ASPEK	KAJIAN SAINTIFIK	KAJIAN TINDAKAN
TUJUAN KAJIAN	Menghasilkan satu teori baru yang boleh digeneralisasikan (Penyelidikan Asas), ataupun menguji teori sedia ada (Penyelidikan Gunaan).	Membaiki amalan guru sendiri dan membentuk teori peribadi yang praktis dan kritis.
REKA BENTUK	Prosedur ditetapkan sebelum kajian bermula dan tidak boleh diubah lagi.	Prosedur boleh diubah suai mengikut keadaan dan keperluan situasi sebenar di sekolah.
SUBJEK KAJIAN	Merujuk kepada sampel kajian yang dipilih dengan menggunakan teknik persampelan yang canggih.	Dilakukan terhadap situasi sebenar kelas dan guru yang mengkaji turut menjadi subjek kajian.
ANALISIS DATA	Data kuantitatif yang diperolehi, dianalisis dengan kaedah statistik inferensi bagi membolehkan generalisasi.	Data yang biasanya berbentuk kualitatif dianalisis secara deskriptif atau naratif.
LAPORAN KAJIAN	Menggunakan bahasa teknikal yang cuma difahami dalam kalangan penyelidik.	Menggunakan bahasa seharian yang mudah difahami dalam kalangan guru.

3.0 PROSEDUR KAJIAN TINDAKAN

3.1 Kitaran KT



Prosedur asas menjalankan Kajian Tindakan boleh diringkaskan kepada langkah-langkah berikut:

- 1: Melakukan refleksi awal untuk menilai keberkesanan Pengajaran & Pembelajaran lalu
- 2: Menjalankan tinjauan awal untuk mengesahkan masalah tersebut
- 3: Menentukan fokus bagi gelungan pertama kajian
- 4: Merancang satu tindakan intervensi yang inovatif
- 5: Melaksanakan tindakan intervensi tersebut
- 6: Memerhati dan menilai kesan tindakan intervensi
- 7: Mereflek tentang keberkesanan tindakan intervensi

Sekiranya penyelidik tidak berpuas hati dengan hasil yang diperolehi pada gelungan pertama kajian, maka kitaran aktiviti merancang, melaksana, menilai dan mereflek boleh diulangi dalam gelungan kedua dengan menggunakan tindakan intervensi yang berlainan pula. Proses ini boleh diteruskan sehingga masalah yang dikaji dapat diselesaikan dengan memuaskan. Walau bagaimanapun, disebabkan faktor kekangan masa, kebanyakan guru melaksanakan beberapa tindakan intervensi dalam satu gelungan tunggal projek KT mereka.

3.1 Refleksi

Kajian Tindakan dimulakan dengan penyelidik melakukan refleksi terhadap proses Pengajaran dan Pembelajaran. Kaedah refleksi yang digunakan membolehkan penyelidik melihat masalah tersebut

daripada pelbagai perspektif, termasuk kemungkinan masalah tersebut berpunca daripada kelemahan diri.

A reflective teacher is one, who, all during the day is checking back and saying , "Did that work? What could I do to help that child?". Reflective thinking is an on-going process that you do before you arrive at school, during the school day, and in the evening at home. It's an on-going check of your child's progress. You don't get to the end of the year and find out that one of your student can't read.

Contoh soalan untuk melakukan refleksi:

1. Apakah masalah dalam kelas saya?
Mengapa?
2. Bagaimana masalah itu boleh ditangani dan diselesaikan?
3. Apakah strategi yang perlu digunakan dan bagaimana?
4. Bagaimana saya menilai keberkesanan tindakan intervensi saya?

3.2 Menentukan Fokus Kajian

Fokus kajian adalah penting bagi memudahkan penyelidik membuat perancangan tindakan intervensi. Fokus yang tidak jelas akan menyebabkan tindakan yang tidak tepat diambil; akibatnya dapatan kajian menjadi tidak relevan.

Berpandukan kepada hasil analisis data tinjauan awal, penyelidik akan mendapat gambaran yang cukup jelas tentang masalah sebenar (fokus) yang ingin dikaji. Secara ringkasnya penentuan fokus kajian perlu memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut:

- ✓ masalah itu memerlukan tindakan segera
- ✓ penyelesaian masalah itu penting bagi pihak pelajar, guru dan sekolah
- ✓ penyelidik mempunyai minat dan kepakaran dalam bidang kajian
- ✓ data yang diperlukan boleh dikutip dengan agak mudah
- ✓ bidang kajian berada dalam ruang lingkup kuasa penyelidik untuk melakukan tindakan intervensi

4.0 KUTIPAN DATA DAN ANALISIS DATA

4.1 Mengapa Kutip Data

Proses mengutip dan menganalisis data perlu dijalankan pada dua peringkat iaitu peringkat Tinjauan Awal dan peringkat Penilaian. Pada peringkat Tinjauan Awal, data awal dikutip untuk membantu penyelidik mengenal pasti masalah utama yang ingin dikaji. Jika maklumat yang dikutip tidak tepat, maka penyelidik tidak dapat memfokus kepada

masalah sebenar yang ingin diatasi; dan ini akan menyukarkan proses merancang tindakan.

Pada peringkat Penilaian, data hasil dikutip untuk menilai keberkesanan tindakan intervensi yang telah diambil. Ketepatan maklumat adalah penting supaya penyelidik berasa yakin bahawa peningkatan yang terhasil adalah benar-benar disebabkan oleh tindakan intervensi yang telah diambil; dan bukannya disebabkan oleh faktor-faktor lain.

4.2 Kaedah Mengutip dan Menganalisis Data

KAEDAH	KUTIPAN DATA	ANALISIS DATA
DOKUMEN	Sumber data yang paling mudah kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada. Contoh: Laporan Lembaga Peperiksaan, buku latihan, rekod kehadiran, gambar foto dsb.	Kandungan dokumen dianalisis dan cuma bahagian yang berkenaan sahaja dipetik untuk dicerakini, contohnya bilangan hari pelajar A ponteng sekolah dalam bulan Februari, 2006.
SOAL SELIDIK	Digunakan dengan meluas untuk mendapatkan maklumat daripada responden, khususnya jika bilangannya ramai. Penyelidik boleh membina sendiri soal selidik ataupun menggunakan soal selidik yang tersedia. Terdapat 2 jenis soalan, iaitu: i) Soalan Tertutup – responden hanya perlu menanda pilihan jawapan yang paling tepat menggambarkan dirinya, ii) Soalan Terbuka – responden perlu mengemukakan jawapan sendiri. Contoh: “Apakah masalah yang kamu hadapi dalam tajuk Graf Fungsi ini?”	i) Soalan Tertutup Mengira kekerapan, peratus atau nilai min. ii) Soalan Terbuka Melakukan Analisis Kandungan seperti berikut: ➢ baca semua respons secara sepintas lalu ➢ baca semula secara teliti dan kenal pasti maklumat-maklumat penting ➢ tentukan kategori-kategori yang mampu meliputi kesemua maklumat ➢ cari tema yang sesuai bagi setiap kategori ➢ kumpulkan maklumat mengikut tema dan hitung kekerapan ➢ buat interpretasi dan kesimpulan
UJIAN	Digunakan untuk mengutip data secara formal dan sistematik, sama ada secara lisan atau bertulis. Ujian boleh dijalankan secara formatif di sepanjang kitaran KT ataupun secara sumatif pada penghujung gelungan KT. Kaedah Ujian Pra dan Ujian Pasca selalu digunakan untuk menilai prestasi pelajar sebelum dan selepas tindakan intervensi.	i) Penilaian Analitikal Memberikan markah kepada respons yang betul. Contohnya, jika markah Ujian Pasca lebih baik daripada Ujian Pra, maka tindakan yang diambil bolehlah dikatakan berjaya. ii) Penilaian Holistik Penilaian secara keseluruhan, contohnya penilaian hasil seni lukis.
PEMERHATIAN	Melibatkan proses melihat dengan teliti sesuatu situasi atau kejadian dan berfikir secara kritis. Sesuai untuk mengamati tingkah laku responden.	i) Analisis Pola ii) Analisis Mencari Perkara Tidak Terduga iii) Analisis Secara Perbincangan
TEMU BUAL	Kaedah terbaik untuk meneroka dan mendapatkan maklumat-maklumat kritikal (termasuk perasaan dan sikap) yang tidak mampu diperolehi melalui kaedah lain.	Analisis Isu dan Dilema – dengar rakaman temu bual untuk mencari Isu (perbezaan pendapat) dan Dilema (kekaburan pandangan); seterusnya hasilkan transkrip temu bual.

5.0 MERANCANG DAN MELAKSANAKAN TINDAKAN

5.1 Merancang Tindakan

Merancang tindakan merupakan proses di mana penyelidik merancang aktiviti-aktiviti intervensi yang sesuai untuk menyelesaikan masalah yang telah dikenal pasti sebagai fokus kajian. Terdapat dua jenis rancangan tindakan intervensi iaitu:

- i) rancangan yang hanya mengubah sebahagian daripada cara pelaksanaan sedia ada untuk menyelesaikan masalah.
- ii) rancangan yang mengubah keseluruhan cara pelaksanaan sedia ada, dan menggantikannya dengan cara baru.

5.2 Panduan Asas Merancang Tindakan:

Berikut ialah garis panduan untuk merancang tindakan intervensi:

- ❖ Tentukan jenis rancangan tindakan intervensi, sama ada yang mengubah sebahagian atau yang mengubah keseluruhan cara pelaksanaan.
- ❖ Pastikan matlamat tindakan intervensi adalah selaras dengan objektif kajian.
- ❖ Tentukan aktiviti-aktiviti intervensi dan tempoh pelaksanaan bagi setiap aktiviti.
- ❖ Tentukan kaedah pelaksanaan aktiviti intervensi, sama ada secara bersendirian ataupun secara berkumpulan.
- ❖ Kenal pasti tugas, aktiviti serta bahan-bahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti.
- ❖ Tetapkan cara pemantauan dan kaedah penilaian keberkesanan tindakan intervensi.
- ❖ Letakkan penanda aras minimum yang mesti dicapai tindakan intervensi untuk mengesahkan keberkesanannya.

5.3 Melaksanakan Tindakan.

Dalam peringkat melaksanakan tindakan, penyelidik akan melaksanakan aktiviti-aktiviti intervensi mengikut ketetapan rancangan tindakan. Walau bagaimanapun, penyelidik masih dibenarkan mengubah suai rancangan tindakan sekiranya keadaan memerlukan. Semasa melaksanakan tindakan intervensi, penyelidik mungkin memerlukan rakan pengkritik yang boleh memberi kritikan secara jujur dan membina.

Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian semasa melaksanakan tindakan adalah seperti berikut :

- i) Memerhati dan mencatatkan reaksi dan perubahan tingkah laku anda dan kumpulan sasaran.
- ii) Catatkan maklumat-maklumat di luar jangkaan serta kekangan dan halangan yang dihadapi.

Selepas tindakan intervensi dilaksanakan, maka tugas penyelidik seterusnya ialah mengutip dan menganalisis data hasilan untuk menilai keberkesanan tindakan tersebut. Kaedah mengutip dan menganalisis data pada peringkat Penilaian ini adalah sama dengan peringkat Tinjauan Awal. Akhir sekali proses refleksi dilakukan sekali lagi terhadap keberkesanan tindakan intervensi yang telah diambil dan seterusnya mencadangkan tindakan susulan yang sewajarnya.

6.0 Proposal Kajian Tindakan

Proposal merupakan panduan kepada penyelidik dalam melaksanakan Kajian Tindakan, dan kejelasan proposal akan membantu penyelidik menjalankannya dengan lebih sistematik. Format penulisan proposal tahun 2006 adalah seperti berikut:

FORMAT PENULISAN PROPOSAL

1. Tajuk Kajian
2. Nama Penyelidik dan Sekolah
3. Kepada
4. Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Lalu
5. Isu Keprihatinan/Fokus Kajian
6. Objektif Kajian
Objektif Umum
Objektif Khusus
7. Kumpulan Sasaran
8. Prosedur Kajian
 - 8.1 Tinjauan Awal
 - 8.2 Cadangan Tindakan Intervensi
 - 8.3 Bahan-bahan Yang Diperlukan
 - 8.4 Penilaian Tindakan Intervensi
9. Jadual Pelaksanaan Kajian
10. Peruntukan Yang Dipohon